

# Rakyat perlu berani teroka bidang baru

BH 18 APR 1992

**JOHOR BAHRU**, Jumaat — Rakyat Malaysia perlu menjadi bangsa yang berani menerokai bidang baru serta belajar semua ilmu untuk maju dan dihormati masyarakat antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dengan cara itu, Malaysia boleh menjadi negara industri dan mampu mengeluarkan sendiri keperluan canggih, termasuk kapal, kapal terbang, kereta dan barangan elektrik.

"Yang penting kita perlu yakin kepada kemampuan sendiri dan sanggup bekerja keras," katanya ketika berucap dalam majlis jamuan perdana dan sambutan Aidilfitri, yang dihadiri lebih 1,000 pemimpin dan penyokong Barisan Nasional (BN) di kediaman rasmi Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Yassin, di sini, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berpotensi un-

tuk terus membangun setaraf negara maju lain, tetapi rakyat perlu bekerja keras untuk mencapai tahap itu.

"Jika kita tidak mempunyai kebolehan dan keyakinan, orang tidak akan menghormati kita. Malah, Bank Dunia kini menggalakkan negara membangun lain mencontohi kemampuan Malaysia," katanya.

Menurut beliau, rakyat Malaysia perlu menyesuaikan diri dengan kehidupan zaman ini, termasuk memajukan diri dan bukan berlagak sombong.

Mahathir berkata, beliau juga mahu orang Melayu menghentikan semangat kenegerian, sebaliknya bersatu sebagai bangsa maju dan berkebolehan supaya dihormati orang lain.

Mengenai hutang negara, katanya, Malaysia berhutang mengikut kemampuannya dalam membayar balik pinjaman.

Katanya, setiap kerajaan negeri yang berkemampuan boleh membina sendiri infrastruktur masing-masing tanpa menunggu peruntukan Kerajaan Pusat, termasuk pelabuan untuk kepentingan dan kemudahan di negeri berkenaan.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat terpaksa menswastakan banyak projek pembangunan, termasuk pembinaan lebuh raya untuk mengurangkan beban menanggung perbelanjaan.

Mengenai industri pembuatan, Dr Mahathir berkata, ia amat digalakkan di negara ini bagi menyediakan peluang pekerjaan berikutan pertambahan 400,000 rakyat Malaysia setiap tahun.

Menyentuh kenaikan kos hidup tinggi yang dialami penduduk Johor, katanya, beliau akan memberi perhatian sewajarnya dan berharap rakyat negeri ini bersabar.